

Gabungan teknologi digital, inovasi tingkat daya tahan PMKS

Oleh Noranita Abdamia - November 10, 2021 @ 11:13am
bhrencana@bh.com.my



Pendigitalan perniagaan bantu usahawan kekal berdaya tahan mengharungi era pandemik. - Foto hiasan

TRANSFORMASI ekonomi digital bermula sejak 1996, diperkukuhkan dengan MyDigital melalui Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia hingga 2030 merentasi semua sektor ekonomi termasuk usahawan mikro.

Bagaimanapun, apakah perkembangan literasi digital perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) bersifat progresif atau regresif?

Fasa Satu MyDigital (2021-2022) bertujuan melonjakkan penerimgunaan bagi pengukuhan asas digital, masih berbaki setahun. Namun, apakah PMKS sudah mengadaptasi peralihan kepada persekitaran digital dalam landskap perniagaan era pandemik kini?

Begitu juga apakah literasi teknologi digital meningkatkan produktiviti PMKS seterusnya menjana ekonomi negara dan bagaimana pula Bajet 2022 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) mempermudah adaptasi digital PMKS?

Kaji selidik tahunan SME Corp terhadap PMKS (2018-2020) mendapati majoriti responden menggunakan komputer, komputer riba dan tablet serta mempunyai akses internet. Responden juga menggunakan platform media sosial untuk menjalankan perniagaan dalam talian.

Namun, kaji selidik mendapati penggunaan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masih rendah seperti perancangan sumber perusahaan serta pengurusan perhubungan pelanggan. PMKS mencapai tahap pengkomputeran, media sosial dan e-dagang asas, tetapi berhadapan situasi sukar mendigitalkan perniagaan kerana memerlukan perubahan pemikiran dengan modal insan digital bagi ekosistem industri digital berfungsi.

Di sebalik cabaran itu, jika PMKS terus mengekalkan momentum penerapan ICT dan penguasaan teknologi digital, jurang digital dapat ditutup, manakala PMKS bersedia ke fasa dua MyDigital (2022-2025) bermatlamat memacu transformasi digital inklusif.

Tidak dinafikan produktiviti PMKS yang merujuk kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menghasilkan nilai ditambah atau keseluruhan pengeluaran mengekalkan pertumbuhan stabil dan meningkat 2.7 peratus kepada RM75,457 setiap pekerja pada 2019 berbanding RM73,449 (2018).

Bagi mempersiapkan PMKS mengadaptasi teknologi digital terutama operasi di belakang tabir, sinergi RMK-12, Bajet 2022 dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) yang tegas menjadikan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN dilihat sebagai pemangkin proses pendigitalan PMKS.

RMK-12 memperuntukkan lebih RM20 bilion untuk memacu agenda transformasi pendigitalan dan teknologi, antaranya menggalakkan syarikat multinasional (MNC) meningkatkan keupayaan PMKS dalam menguasai pendigitalan dan Globalisasi 4.0 dalam model perniagaan melalui penubuhan platform perniagaan bagi mempergiatkan transaksi e-dagang.

Usaha berterusan MDEC terus mendorong inisiatif untuk mencapai ekonomi digital progresif dan inklusif antaranya eRezeki, eUsahawan, Global Online Workforce (GLOW), kempen Go-eCommerce Onboarding dan Shop Malaysia Online yang memanfaatkan PMKS bagi menyertai e-dagang dan e-bayar.

Bajet 2022 diumumkan baru-baru ini juga merencanakan lagi usaha pendigitalan PMKS di bawah Fokus 3, strategi 2 dan inisiatif 3, iaitu projek ketersambungan digital melalui Geran Pendigitalan PKS dinaikkan kepada RM200 juta, 600 Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia sebagai Pusat Sehati membimbing usahawan mikro dan memperkenalkan Nomad Digital Malaysia bagi PMKS terbabit dalam sektor pelancongan.

Bagaimanapun, manfaat teknologi digital belum diadaptasi sepenuhnya oleh ekonomi digital, Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dan pelaksanaan pembangunan mampan adalah bahagian utama dengan potensi ekonomi belum dimanfaatkan.

Namun, kejayaan sesebuah perniagaan tidak bergantung kepada teknologi digital semata-mata, sebaliknya memerlukan asas dan model perniagaan baik bagi kelangsungan ekonomi kini.

Teknologi digital digabungkan dengan inovasi hanya perantara pemboleh ubah perniagaan inovatif.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Pasir Gudang